

21/03/1999

43 terima pingat, darjah kebesaran

KLANG: Istiadat penganugerahan Darjah dan Bintang Kebesaran negeri Selangor yang berlangsung di Istana Alam Shah di sini, semalam, menyaksikan seramai 43 penerima menerima darjah masing-masing daripada Sultan Selangor sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-73.

Istiadat penganugerahan bermula dengan pengurniaan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) kepada bekas menteri dan tokoh veteran wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani serta ayahanda Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah, Datuk Seri Lt Kol (B) Abdul Rahman Tan Sri Mohd Yatim.

Diikuti penganugerahan Darjah Kebesaran Seri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSSA) kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Seri Onn Ismail; Pengerusi Kumpulan DRB Hicom, Tan Sri Wira Mohd Saleh Sulong dan Pengerusi Syarikat, Datuk Seri Dr Kok Mew Shoon.

Bagi anugerah Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) pula, 16 penerima hadir iaitu Presiden Malaysia Aids Council, Datin Paduka Marina Mahathir; ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Datuk Ch'ng Toh Eng, Datuk K Sivalingam dan Datuk Dr Pius Martin; dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Shamsudin Osman.

Pengarah syarikat, Datuk Mohd Fahmi Ibrahim; Pengarah/Pengerusi syarikat, Datuk Tan Hua Choon; bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Raja Zulkifli Raja Borhan; Pengerusi Eksekutif, Datuk Halim Mohammad; doktor, Datuk Dr Low Bin Tick dan Ketua Pengarah Kumpulan MASSA, Datuk Chow C K Kenneth A Wira Tjakrawinata.

Lima lagi penerima ialah pesara, Laksamana Madya Datuk Seri Ahmad Ramli Mohd Nor; ahli perniagaan, Tan Sri Sheikh Mohd Nasimuddin Kamal Sheikh Mohd Amin; Datuk Ibrahim Ali, Datuk Raja Hanipuddin Raja Nong Chik dan Datuk Rahmat Abu Bakar.

Antara 22 penerima Darjah Kebesaran Datuk-Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) termasuk Ahli Dewan Undangan negeri kawasan Meru, Datuk Jaie Ismail; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Othman Mohd Rijal; Duta Besar Malaysia di Itali, Datuk R Vengadesan; Duta Besar Malaysia di Perancis, Datin Paduka Dr Rajmah Hussain; Hakim Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur, Datuk Ahmadi Asnawi dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amir Sharifuddin Abu Bakar.

(END)